

**UCAPAN ALUAN**  
**PROF. MADYA DR. ZAINAB HAMZAH**  
**PENGARAH UNIT MEDIA UniMAP**  
**SEMPENA**  
**MALAM MESRA MEDIA UniMAP 2011**  
**22 JULAI 2011\*HOTEL PUTRA PALACE\***

Bismillahirrahmanirrahim

Yang Berbahagia, Brig. Jen. Dato' Prof. Dr. Kamarudin Hussin,  
Naib Canselor UniMAP dan Yang Berbahagia Datin.

Yang Berbahagia Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan Naib  
Canselor (Akademik dan Antarabangsa UniMAP)

Yang Berbahagia, Prof. Dr. Ismail Daut, Timbalan Naib Canselor  
(Penyelidikan dan Inovasi UniMAP)

Yang Dihormati, Encik Adnan Jahaya, Pengurus Kelab Media  
Perlis (KEMPs)

Yang Dihormati, Puan Munah Binti Madar, Pengarah Penyiaran  
Negeri Perlis

Pegawai-pegawai Utama UniMAP,

Yang Berbahagia, Prof. Dr. Zuraidah Mohd. Zain, Penolong Naib Canselor Komunikasi Korporat UniMAP,

Dekan-dekan dan Ketua-ketua jabatan,

Warga-warga Media yang diraikan, Seterusnya hadirin dan hadirat yang dikasihi sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, seikhlas hati saya panjatkan kesyukuran ke hadhrat Allah SWT kerana akhirnya Majlis Malam Mesra Media UniMAP 2011 yang telah kita rencanakan sekian lama, akhirnya dapat direalisasikan pada malam yang penuh berbahagia ini. Jutaan terima kasih dan penghargaan buat semua warga kerja UniMAP terutamanya staf saya di Unit Media yang bertungkus lumus dalam memastikan kelancaran majlis ini.

Dikesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan selamat datang dan ribuan terima kasih kepada semua pengamal media negeri Perlis kerana sudi hadir ke majlis kami, yang diadakan khusus bagi meraikan anda sekalian. Sesungguhnya kehadiran anda di sini memberikan kegembiraan yang tidak terperi bukan sahaja kepada saya dan Unit Media malah juga kepada Dato' Naib Canselor dan seluruh warga UniMAP yang berada di sini malam ini.

Kepada yang tidak mengenali saya, ingin saya perkenalkan diri saya sekali lagi, saya Prof. Madya Dr. Zainab Hamzah, Pengarah Unit Media UniMAP.

Untuk pengetahuan semua, Unit Media baru sahaja dinaik taraf menjadi unit tanggal 15 April 2011 yang lalu dan saya dilantik menjadi Pengarah Unit Media yang pertama. Terima kasih kepada Dato' Naib Canselor kerana memberi kepercayaan kepada saya dan saya berjanji akan memantapkan lagi Unit Media dengan bantuan staf Unit Media sendiri dan juga bantuan yang akan diberikan oleh rakan-rakan media sekalian. Saya masih baru dalam arena ini dan mengharapkan tunjuk ajar daripada rakan-rakan media. Semoga anda dapat membantu saya dan Unit Media untuk menaikkan lagi nama UniMAP (Universiti Malaysia Perlis) iaitu universiti negeri Perlis ke persada antarabangsa.

Hadirin sekalian,

Meskipun sebelum ini, saya dan Pengurusan Tertinggi UniMAP berkesempatan berkunjung ke Rumah Kelab Media Perlis (KEMPs), namun ia hanya membabitkan beberapa rakan wartawan dan jurugambar sahaja. Namun saya kira, malam ini merupakan pertemuan pertama saya dengan keseluruhan warga media di Perlis selepas dilantik sebagai Pengarah Unit Media mulai 15 April yang lalu. Adalah menjadi harapan saya untuk memantapkan lagi hubungan sedia ada UniMAP bersama rakan media yang lain. Hal

ini kerana, tanpa sokongan anda sekalian, siapalah kami di Unit Media.

Mungkin saya tidak dapat mengingati setiap wajah yang ada pada malam ini, namun melalui pertemuan dari semasa ke semasa, saya berharap agar keakraban yang lebih erat akan terjalin sesama kita. Insya Allah, dengan penganjuran majlis ini, saya yakin akan membolehkan saya mengenali semua warga media dengan lebih rapat lagi terutama dari pihak Radio Televisyen Malaysia, Jabatan Penyiaran dan Perlis FM untuk memudahkan lagi pelaksanaan tugas di masa akan datang.

Hadirin sekalian,

Saya tidak memilih untuk berbicara panjang, sebaliknya hanya mengharapkan agar anda akan terhibur dengan pelbagai persembahan yang bakal disajikan sebentar sahaja lagi. Malam ini adalah malam kita semua. Seperti yang saya katakana di awal tadi, Majlis ini dianjurkan sebagai tanda penghargaan kami yang tidak terhingga atas kerjasama erat yang diberikan oleh rakan-rakan media selama ini.

Selaras dengan nama majlis ini iaitu “MALAM MESRA MEDIA” adalah menjadi harapan saya agar hubungan mesra antara UniMAP dan Media akan terus erat bukan sahaja setakat malam ini, tetapi di masa-masa akan datang juga.

Media dan UniMAP ibarat irama dan lagu. Tidak lengkap rasanya jika kekurangan salah satu diantaranya kerana kita saling memerlukan antara satu sama lain. Lantaran itu saya berjanji untuk memberikan kerjasama yang sebaik mungkin dalam membantu rakan-rakan media melaksanakan tugas masing-masing. Hubungi kami pada bila-bila masa dan Insya Allah, kami akan membantu seadanya.

Di kesempatan ini juga, saya berharap Ketua Jabatan dan Dekan-dekan dapat memberikan input yang terkini yang berlaku di Jabatan atau Pusat Pengajian masing-masing untuk disalurkan kepada pihak media.

Untuk meningkatkan imej UniMAP, kita perlu melaporkan secara keseluruhan iaitu meliputi semua Jabatan dan Pusat Pengajian dan tidak hanya kepada aktiviti-aktiviti rasmi Universiti. Salurkan maklumat anda kepada saya dan juga staf di Unit Media agar memudahkan kami menghebahkannya di media cetak dan elektronik.

Akhir kata, saya mengharapkan kerjasama yang berterusan dari semua pihak – media – UniMAP dan staf Unit Media untuk memastikan aktiviti promosi Universiti dapat diteruskan dan ditingkatkan agar dapat membantu meningkatkan imej UniMAP di persada antarabangsa.

Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga buat semua jawatankuasa yang terlibat kerana banyak membantu dan menyumbang ide dalam merealisasikan majlis pada malam ini.

Sekian, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.